

SELEPAS PEMBEDAHAN

- Anda akan diberikan ubat titis mata untuk dibawa pulang. Pastikan anda mengikuti arahan. Basuh tangan anda sebelum menggunakan ubat titis. Jangan biarkan mulut botol menyentuh mata anda. Anda mungkin mengalami mata berair, silau dan sensitif kepada cahaya selepas pembedahan. Kaca mata hitam boleh membantu mengatasi gejala ini. Anda akan diberikan pelindung mata untuk dibawa pulang, sila gunakannya terutama ketika tidur.



Basuh tangan



Penggunaan betul



Kaca mata hitam perlindungan



Pelindung mata

- Elakkan aktiviti berat dan sukan seperti mengangkat berat (1-2 minggu). Berenang adalah dilarang (1 bulan). Sekiranya anda mempunyai gelembung dalam mata anda, perjalanan udara dan naik bukit dilarang sehingga doktor anda memberi kebenaran.




Jangan angkat barang berat



Dilarang berenang



Rujuk doktor anda



Hubungi Nombor Kecemasan Selepas Pembedahan kami sekiranya anda mengalami gejala berikut selepas prosedur:

- Kesakitan / kemerahan yang semakin teruk pada mata yang dibedah
- Sakit yang teruk / tiba-tiba
- Tiba-tiba hilang penglihatan
- Mual / muntah selepas pembedahan
- Kecederaan pada mata yang dibedah secara tidak sengaja



HUBUNGI KAMI



03 2730 7666



oasiseye.my



linktr.ee/oasiseye



ANDA DAN MATA ANDA

Persediaan Pembedahan Mata Anda Di



OASISEYE
SPECIALISTS

PROTECTING VISION | RESTORING SIGHT





SEBELUM PEMBEDAHAN

- Ketahui prosedur yang akan anda lakukan. Jangan ragu-ragu untuk bertanya kepada doktor jika anda tidak pasti mengenai apa-apa butiran.
- Anda perlu membayar deposit setelah tarikh ditetapkan.
- Bayaran penuh untuk anggaran harga prosedur perlu dijelaskan sebelum pembedahan.
- Sekiranya berlaku penangguhan, pembatalan atau bayaran berlebihan, deposit / jumlah yang tidak digunakan akan dikembalikan kepada anda.
- Sekiranya perlu, penggunaan ubat / peralatan yang tidak dijangka semasa pembedahan bayaran akan caj pada bil akhir.



PADA HARI PEMBEDAHAN

- Hadir tepat pada waktu temujanji anda. Maklumkan kepada kami sekiranya perlu menangguhkan temujanji anda.



- Teruskan dengan ubatan biasa anda kecuali yang dinasihati oleh doktor, seperti ubat cair darah.



- Mandi / bersihkan diri sebelum pembedahan anda, berhati-hati semasa membersihkan muka pada sekitar mata dan bulu mata anda.



- Jangan menggunakan produk yang mengandungi alkohol seperti solekan, produk rambut, pewarna kuku dan minyak wangi.



- Sekiranya pembedahan anda dilakukan dengan bius setempat, anda boleh menikmati sedikit makanan sebelum pembedahan.



- Sekiranya pembedahan anda dilakukan dengan bius am, anda tidak boleh makan atau minum selama 6 jam sebelum pembedahan.



- Cuba jangan bawa terlalu banyak barang berharga. Kami menyediakan loker kecil untuk menyimpan barang anda.



- Anda tidak boleh memandu balik sendiri selepas pembedahan. Pastikan anda mempunyai teman untuk membawa anda pulang.



- Mata anda mungkin diberi titisan ubat mata untuk membesarkan anak mata, dan ini akan mengaburkan penglihatan anda selama beberapa jam.



- Untuk tujuan kebersihan, anda akan diminta untuk memakai gaun OT untuk pembedahan.

